

## PENGARUH IKLIM SEKOLAH TERHADAP KOMPETENSI GURU INSTITUSI TAHFIZ DI DAERAH SEPANG, SELANGOR

### [THE INFLUENCE OF SCHOOL CLIMATE ON TEACHER COMPETENCY IN TAHFIZ INSTITUTIONS IN THE DISTRICT OF SEPANG, SELANGOR]

NUR ADILAH HAZIRAH ISMAIL<sup>1\*</sup> & AIDA HANIM A. HAMID<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: p135140@siswa.ukm.edu.my

---

Received: 24 May 2025

Accepted: 26 June 2025

Published: 27 July 2025

---

**Abstrak:** Institusi tahniz memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam, namun guru di institusi ini berdepan pelbagai cabaran seperti beban kerja berlebihan, kekurangan sumber, dan tekanan organisasi. Kajian ini bertujuan meneliti pengaruh iklim sekolah terhadap kompetensi guru di institusi tahniz sekitar daerah Sepang, Selangor. Kajian ini penting kerana pengaruh suasana persekitaran terhadap prestasi dan profesionalisme guru tahniz masih kurang diberi perhatian dalam konteks pendidikan Islam. Pendekatan kuantitatif digunakan melalui reka bentuk tinjauan deskriptif dan inferensi, melibatkan 60 orang guru tahniz yang dipilih secara persampelan bertujuan. Instrumen yang digunakan merangkumi soal selidik School-Level Environment Questionnaire (SLEQ) dan Model Pengukuran Kompetensi Guru. Dapatkan menunjukkan tahap iklim sekolah berada pada tahap sederhana ( $M = 3.20$ ), manakala kompetensi guru berada pada tahap tinggi ( $M = 3.71$ ). Terdapat hubungan positif dan signifikan antara iklim sekolah dan kompetensi guru ( $r = 0.458$ ,  $p < 0.01$ ). Analisis regresi linear berganda menunjukkan tiga dimensi utama iklim sekolah yang mempengaruhi kompetensi guru ialah kebebasan staf ( $\beta = 0.330$ ,  $p = 0.029$ ), kecukupan sumber ( $\beta = 0.367$ ,  $p = 0.007$ ), dan tekanan kerja ( $\beta = -0.239$ ,  $p = 0.031$ ). Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang keperluan mewujudkan iklim sekolah yang kondusif dalam memperkasa profesionalisme guru tahniz. Implikasinya, pihak pentadbir dan pembuat dasar perlu menyusun strategi sokongan yang holistik dan kontekstual bagi memperkuuh sistem pendidikan tahniz negara.

**Kata Kunci:** iklim sekolah, kompetensi guru, institusi tahniz, pendidikan islam, tekanan kerja.

**Abstract:** Tahniz institutions play a vital role in Islamic education, yet their teachers face numerous challenges such as excessive workload, lack of resources, and organizational pressure. This study aims to examine the influence of school climate on teacher competency in tahniz institutions around the Sepang district, Selangor. The study is significant as the impact of environmental conditions on the performance and professionalism of tahniz teachers remains underexplored within the context of Islamic education. A quantitative approach was employed using a descriptive and inferential survey design involving 60 tahniz teachers selected through purposive sampling. The instruments used included the School-Level Environment Questionnaire (SLEQ) and the Teacher Competency Measurement Model. Findings indicate that the school climate was at a moderate level ( $M = 3.20$ ), while teacher competency was at a high level ( $M = 3.71$ ). There was a positive and significant correlation between school climate and teacher competency ( $r = 0.458$ ,  $p < 0.01$ ). Multiple linear regression analysis revealed that three key dimensions of school climate influencing teacher competency were staff freedom ( $\beta = 0.330$ ,  $p = 0.029$ ), resource adequacy ( $\beta = 0.367$ ,  $p = 0.007$ ), and work pressure ( $\beta = -0.239$ ,  $p = 0.031$ ). This study

contributes to understanding the need for a conducive school climate in empowering tafhiz teachers' professionalism. The implication is that administrators and policymakers should develop holistic and contextual support strategies to strengthen the national tafhiz education system.

**Keywords:** school climate, teacher competency, tafhiz institution, Islamic education, work pressure.

**Cite This Article:**

Nur Adilah Hazirah Ismail & Aida Hanim A. Hamid. (2025). Pengaruh Iklim Sekolah Terhadap Kompetensi Guru Institusi Tafhiz di Daerah Sepang, Selangor [The Influence of School Climate on Teacher Competency in Tafhiz Institutions in The District of Sepang, Selangor]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(3): 1-17.

## PENDAHULUAN

Institusi tafhiz memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia kerana berfungsi membentuk generasi Muslim yang bukan sahaja mahir menghafaz al-Quran, malah memahami serta mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari (JAKIM, 2020; Mohd Nawi, Omar & Mohd Nor, 2021). Selain menyampaikan ilmu asas Islam, pelajar juga diasuh dari sudut akhlak dan pembangunan kepimpinan spiritual. Dalam hal ini, peranan guru tafhiz melangkaui tugas mengajar semata-mata, sebaliknya mereka turut bertanggungjawab membentuk sahsiah dan rohani pelajar.

Walaupun demikian, guru di institusi tafhiz berdepan dengan pelbagai cabaran yang merangkumi beban kerja yang berlebihan, kekurangan infrastruktur yang memadai, tekanan tugas harian, serta ketidakseimbangan antara tugas mengajar dan tanggungjawab pentadbiran. Latihan profesional yang tidak disesuaikan dengan konteks unik institusi tafhiz turut menyebabkan berlakunya jurang kemahiran dalam kalangan guru (Yayuk & Haqqi, 2024). Keadaan ini diburukkan lagi dengan suasana kerja yang kurang menyokong, keterbatasan kewangan institusi serta ketidaktentuan dalam bentuk sokongan daripada pihak pengurusan. Jika dibandingkan dengan guru di sekolah arus perdana yang memperoleh akses kepada latihan berstruktur, teknologi pendidikan, serta pelan pembangunan kerjaya yang jelas (Mohamed Nawi, 2017; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023), guru tafhiz sering bergantung kepada inisiatif dalaman institusi. Perbezaan ini menimbulkan ketidakseimbangan dari segi pencapaian profesionalisme dan prestasi kerja, sekaligus memberi isyarat keperluan untuk memperkuuh sokongan institusi kepada guru tafhiz secara lebih menyeluruh dan kontekstual.

Salah satu elemen penting yang memberi kesan besar terhadap prestasi guru adalah iklim sekolah, yang merujuk kepada suasana umum yang terbentuk hasil daripada interaksi antara budaya organisasi, hubungan sosial dan sistem pentadbiran. Menurut Hoy dan Tarter (1997), suasana sekolah mempunyai impak langsung terhadap motivasi dan prestasi guru. Penyelidikan terkini oleh Simaremare et al. (2023) turut mendapati bahawa persekitaran yang menyokong boleh meningkatkan semangat kerja, keterlibatan dan dedikasi guru dalam profesi mereka.

Dalam konteks institusi tafhiz di Malaysia, penyelidikan yang meneliti kaitan antara iklim sekolah dan kompetensi guru masih terbatas (Hashim & Hashim, 2021). Banyak kajian terdahulu lebih menumpukan perhatian kepada sekolah konvensional. Selain itu, institusi tafhiz biasanya beroperasi dengan sumber kewangan dan teknologi yang terhad, yang secara langsung

mempengaruhi suasana persekitaran pembelajaran. Kekurangan dasar pendidikan Islam yang komprehensif serta pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (JAKIM, 2020) yang masih berdepan cabaran turut menjelaskan sistem sokongan kepada guru-guru.

Memandangkan kompetensi guru adalah faktor utama yang menentukan kualiti pendidikan dan perkembangan pelajar secara menyeluruh (KPM, 2023), adalah wajar untuk meneroka pengaruh iklim sekolah terhadap tahap kompetensi pendidik di institusi tahniz. Kompetensi dalam konteks ini tidak hanya melibatkan aspek teknikal dalam pengajaran, tetapi juga kebolehan mengurus emosi, mengaplikasi pedagogi yang berinovatif, serta mengamalkan nilai spiritual dan sosial yang seimbang.

Dalam menghadapi perubahan landskap pendidikan semasa, institusi tahniz turut perlu menyesuaikan diri dengan kehendak zaman, termasuk dari segi peningkatan profesionalisme guru dan pengurusan sekolah yang lebih efektif. Maka itu, pemahaman yang mendalam mengenai iklim sekolah sangat penting kerana ia mempengaruhi keberkesanan, kesejahteraan emosi dan keupayaan inovatif guru. Selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (KPM, 2023) dan dasar DPTN (JAKIM, 2020), usaha untuk membina persekitaran kerja yang sihat dan menyokong adalah keperluan asas dalam usaha memperkuuh profesionalisme guru tahniz.

Pemahaman yang mendalam mengenai iklim sekolah sangat penting kerana ia mempengaruhi keberkesanan, kesejahteraan emosi dan keupayaan inovatif guru. Selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (KPM, 2023) dan dasar DPTN (JAKIM, 2020), usaha untuk membina persekitaran kerja yang sihat dan menyokong adalah keperluan asas dalam usaha memperkuuh profesionalisme guru tahniz.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Iklim Sekolah: Definisi dan Dimensi**

Konsep iklim sekolah merangkumi pelbagai aspek yang membentuk suasana fizikal, sosial, emosi, dan akademik dalam sesebuah institusi pendidikan. Menurut definisi Hoy dan Miskel (2005), iklim sekolah terbentuk daripada pengalaman kolektif yang lahir melalui interaksi antara ahli komuniti sekolah dan nilai-nilai yang dikongsi bersama. Suasana yang positif dalam sesebuah institusi lazimnya dicirikan oleh hubungan antara guru dan pentadbir yang harmoni, amalan kerja yang menyokong inovasi, serta gaya kepimpinan yang bersifat terbuka dan mesra. Dalam kerangka pendidikan Islam, khususnya institusi tahniz, elemen iklim sekolah merangkumi bukan sahaja struktur organisasi dan prasarana fizikal, malah turut melibatkan nilai-nilai keagamaan seperti ukhuwah, amanah, syura dan akhlak mulia (Hassan et al., 2021). Nilai-nilai ini memperkuuh kesejahteraan emosi pendidik serta mengukuhkan identiti kolektif institusi.

Beberapa kajian tempatan menyokong kepentingan iklim sekolah terhadap prestasi guru. Misalnya, Sulaiman dan Harman (2009) mendapati bahawa suasana kerja, struktur organisasi dan hubungan pentadbiran mempengaruhi iklim sekolah yang sihat di sekolah swasta menengah di Johor Bahru. Manakala kajian Mohamed Nawi (2017) menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru MRSMS bertambah baik apabila mereka berfungsi dalam persekitaran kerja

yang menyokong. Dalam era pasca pandemik, keanjalan dan kepekaan iklim sekolah terhadap keperluan guru semakin menjadi keutamaan (Kamarulzaman & Ismail, 2020). Maka itu, kefahaman terhadap dinamika iklim sekolah menjadi asas penting dalam membentuk strategi pembangunan profesional guru di institusi Islam.

### **Kompetensi Guru dalam Pendidikan Islam**

Kompetensi guru merangkumi pengetahuan, kemahiran, dan nilai profesional yang diperlukan untuk menyampaikan pengajaran secara efektif. Spencer dan Spencer (1993) mendefinisikan kompetensi sebagai ciri yang boleh diperhati dan diukur yang mempengaruhi prestasi kerja. Dalam konteks institusi tafsir, kemahiran ini merangkumi penguasaan ilmu tajwid, kefahaman tafsir, serta kemampuan dalam membimbing pelajar dari segi rohani dan akhlak (Weber, 2007). Yayuk dan Haqqi (2024) menunjukkan bahawa sokongan pentadbiran yang empatik dan pelaksanaan latihan secara berterusan memberi kesan langsung kepada peningkatan kemahiran guru. Di samping itu, Rusdi dan Madihah (2023) turut menekankan bahawa budaya kerja yang menyemai kerjasama dan keterbukaan dapat mendorong kreativiti pengajaran serta meningkatkan keberkesan proses PdP.

Dalam konteks Malaysia, Dasar Pendidikan Tafsir Negara (DPTN) menyatakan dengan jelas keperluan standard kompetensi guru tafsir agar setara dengan guru arus perdana, namun tetap mengekalkan ciri khas pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Jaafar (2020) pula menyatakan bahawa pembangunan profesional guru pendidikan Islam perlu bersifat holistik yang merangkumi aspek spiritual, psikologi, dan pedagogi supaya guru dapat melaksanakan peranan sebagai murabbi dengan berkesan. Sementara itu, Mat Piah dan Zulkifli (2022) mencadangkan agar latihan kompetensi guru tafsir perlu disusun secara sistematik berdasarkan Kurikulum Bersepadu Tafsir (KBT), yang melibatkan pemantapan pedagogi Quranik serta kemahiran abad ke-21. Hal ini kerana guru tafsir hari ini perlu mengimbangi antara ketekalan tradisi dengan keperluan pendidikan moden.

### **Hubungan antara Iklim Sekolah dan Kompetensi Guru**

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa terdapat kaitan yang kuat antara iklim sekolah dan kompetensi guru. Persekuturan kerja yang kondusif dari aspek psikologi dan profesional terbukti dapat meningkatkan kreativiti, refleksi kendiri dan kecekapan guru dalam bilik darjah (Simaremare et al., 2023). Bagi institusi berasaskan nilai Islam, Hassan et al. (2021) menunjukkan bahawa amalan pentadbiran berteraskan nilai ukhuwah dan syura membina kepercayaan serta meningkatkan komitmen dalam kalangan guru.

Namun demikian, guru tafsir sering berhadapan dengan pelbagai halangan seperti kekurangan latihan profesional, akses teknologi yang terhad dan beban tugas yang tidak seimbang, yang akhirnya menjelaskan usaha pembangunan kompetensi. Marno (2022) menggesa agar strategi latihan guru disesuaikan secara kontekstual dengan mengambil kira faktor budaya dan sumber institusi Islam. Dalam hal ini, Al-Mekhlafi (2022) mendapati bahawa penggunaan teknologi digital dalam pengajaran al-Quran boleh merangsang transformasi pedagogi, namun ia memerlukan kemudahan infrastruktur dan latihan yang mencukupi.

Saad dan Sankaran (2019) pula berpendapat bahawa pembangunan profesional guru perlu bersifat berterusan dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Ini termasuklah menyediakan bimbingan, peluang latihan tidak formal, serta membina komuniti pembelajaran yang aktif dalam kalangan guru tahniz itu sendiri.

## KERANGKA KONSEP KAJIAN

Berpandukan sorotan literatur yang telah dikaji, kajian ini membentuk satu kerangka konseptual yang meletakkan iklim sekolah sebagai pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada tiga elemen utama: hubungan interpersonal, budaya kerja, dan sokongan pentadbiran. Aspek hubungan interpersonal merangkumi elemen seperti komunikasi berkesan, kepercayaan antara warga sekolah, serta kerjasama yang harmoni antara guru, pelajar, dan pentadbir. Seterusnya, budaya kerja merujuk kepada amalan profesional, tahap komitmen, etika serta norma kerja yang diamalkan dalam organisasi. Elemen ini juga melibatkan nilai kolaborasi dan semangat berpasukan yang membentuk kesatuan dalam melaksanakan tanggungjawab. Komponen terakhir iaitu sokongan pentadbiran meliputi aspek kepimpinan yang mesra guru, penyediaan latihan profesional berterusan, serta kemudahan sokongan moral dan fizikal yang memudahkan guru melaksanakan peranan mereka secara efektif.

Ketiga-tiga komponen ini dijangka mempunyai pengaruh terhadap kompetensi guru, yang bertindak sebagai pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Kompetensi tersebut merangkumi tiga dimensi utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dimensi pengetahuan menilai pemahaman guru terhadap kandungan kurikulum dan kaedah pengajaran; dimensi kemahiran merangkumi keupayaan teknikal dan pedagogi dalam bilik darjah; manakala dimensi sikap merangkumi nilai profesionalisme, etika kerja serta komitmen terhadap peranan sebagai pendidik Islam.

Model kerangka ini dirangkan dalam Rajah 1, yang mengilustrasikan hubungan antara dimensi iklim sekolah (hubungan interpersonal, budaya kerja dan sokongan pentadbiran) dengan kompetensi guru (pengetahuan, kemahiran dan sikap). Kajian ini menilai secara empirikal hubungan ini dalam konteks institusi tahniz di daerah Sepang, Selangor, dengan harapan untuk memberikan sumbangan praktikal kepada pembangunan kapasiti guru serta strategi pengurusan pendidikan Islam secara lebih menyeluruh dan bersasar.



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan berbentuk deskriptif dan inferensi. Tujuannya adalah untuk menilai kesan iklim sekolah terhadap kompetensi guru di institusi tahniz. Reka bentuk ini dipilih kerana ia sesuai untuk mendapatkan data berbentuk numerik yang boleh dianalisis secara statistik (Creswell, 2014; Babbie, 2020). Kaedah ini membolehkan penyelidik memahami persepsi guru terhadap persekitaran kerja mereka serta menilai hubungan antara pemboleh ubah melalui ujian korelasi dan regresi. Struktur dan budaya organisasi institusi tahniz yang berbeza daripada sekolah arus perdana juga menjadikan reka bentuk ini sesuai bagi menggambarkan ciri khas pendidikan Islam secara lebih terperinci.

### Populasi dan Teknik Persampelan

Populasi kajian merangkumi 120 guru sepenuh masa yang berkhidmat di institusi tahniz di daerah Sepang, sama ada institusi berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam, agensi kerajaan, NGO atau pihak swasta. Persampelan dibuat secara bukan rawak menggunakan kaedah persampelan bertujuan (criterion-based purposive sampling), dengan mengambil kira kelayakan responden berdasarkan pengalaman dan latar pengajaran tahniz (Taherdoost, 2016). Sebanyak 60 orang guru dipilih sebagai responden kajian. Walaupun bilangan ini sedikit berbanding cadangan Krejcie dan Morgan (1970), ia masih dianggap memadai bagi kajian berbentuk eksploratori yang menilai hubungan antara pemboleh ubah (Chua, 2013; Hill et al., 2005). Responden dipilih berdasarkan kriteria inklusif iaitu guru yang mengajar sepenuh masa dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu tahun, manakala guru sambilan dan pihak pentadbir yang tidak terlibat langsung dalam proses PdP dikecualikan.

## Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik berstruktur yang dibina berdasarkan dua instrumen utama yang telah terbukti sah dan boleh dipercayai. Instrumen terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden seperti jantina, umur, tahap pendidikan, dan pengalaman mengajar.

Bahagian B pula menilai iklim sekolah menggunakan instrumen School-Level Environment Questionnaire (SLEQ) oleh Fisher dan Fraser (1990), yang terdiri daripada 56 item merangkumi lapan subskala: Sokongan Pelajar, Afiliasi, Minat Profesional, Kebebasan Staf, Penglibatan dalam Membuat Keputusan, Inovasi, Kecukupan Sumber dan Tekanan Kerja. Setiap subskala direka untuk mengukur persepsi guru terhadap pelbagai dimensi suasana kerja mereka.

Bahagian C menilai tahap kompetensi guru berdasarkan Model Pengukuran Kompetensi Kerja Guru oleh Mohd Faiz dan Jamal@Nordin (2016), yang meliputi dimensi profesionalisme, pengetahuan dan kemahiran. Model ini selari dengan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) oleh KPM dan telah disahkan melalui analisis Confirmatory Factor Analysis (CFA) dengan nilai kebolehpercayaan tinggi ( $\alpha > 0.90$ ).

Soal selidik menggunakan skala Likert lima mata, dari “Sangat Tidak Setuju” (1) hingga “Sangat Setuju” (5). Skala ini membolehkan variasi persepsi responden diukur secara sistematis. Pentafsiran skor min adalah seperti berikut:

Jadual 1: Penentuan Tahap Berdasarkan Skor Minimum	
Skor Min	Tahap Tafsiran
1.00-1.80	Sangat rendah
1.81-2.60	Rendah
2.61-3.40	Sederhana
3.41-4.20	Tinggi
4.21-5.00	Sangat tinggi

Sebagai penyesuaian kepada konteks institusi tahniz, pengubahsuaian kecil telah dilakukan terhadap susun atur dan istilah dalam item-item soal selidik agar lebih relevan dengan realiti dan latar pendidikan Islam tempatan. Selain itu, semakan pakar turut dijalankan bagi menjamin kesesuaian kandungan, kefahaman istilah, dan ketepatan bahasa dalam versi Bahasa Melayu yang digunakan.

## Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 guru tahniz untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Nilai pekali Cronbach's Alpha yang diperoleh bagi dimensi iklim sekolah berada antara  $\alpha = 0.82$  hingga  $0.88$ , manakala bagi kompetensi guru ialah antara  $\alpha = 0.84$  hingga  $0.89$ , menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi (Nunnally & Bernstein, 1994; Taber, 2018). Kesahan kandungan disemak oleh tiga orang pakar dalam bidang pendidikan Islam dan psikometrik.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Bagi melaksanakan kajian ini, data dikumpulkan menggunakan dua kaedah utama iaitu dalam talian dan secara bersemuka. Pemilihan dua pendekatan ini bertujuan untuk memastikan capaian responden yang lebih menyeluruh serta memberi fleksibiliti kepada guru-guru tahfiz dalam memberi maklum balas berdasarkan keselesaan dan kemampuan masing-masing. Untuk kaedah atas talian, soal selidik dibina menggunakan platform Google Forms dan pautan diedarkan melalui emel rasmi institusi kepada guru yang telah dikenal pasti. Bersama pautan tersebut disertakan juga surat kebenaran kajian dan borang persetujuan maklum (informed consent) yang menjelaskan tujuan penyelidikan, kerahsiaan data serta hak responden untuk menarik diri tanpa sebarang implikasi.

Sementara itu, pengedaran secara fizikal dilakukan di beberapa institusi tahfiz terpilih. Penyelidik hadir ke institusi berkenaan untuk memberikan taklimat ringkas dan mengedarkan soal selidik bercetak kepada responden. Responden diberi masa yang mencukupi untuk menjawab, dan borang dikutip semula pada hari yang sama bagi memastikan kadar pulangan tinggi. Sebelum edaran dilakukan, kebenaran rasmi diperoleh daripada pihak pengurusan institusi dan surat sokongan daripada institusi pengajian juga disediakan.

Setelah data dikumpul melalui kedua-dua kaedah ini, semua jawapan daripada borang bercetak dimasukkan ke dalam fail digital secara sistematik, manakala data daripada Google Forms dieksport dalam format .csv untuk dianalisis menggunakan perisian SPSS. Peringatan susulan turut diberikan kepada responden dalam tempoh dua minggu bagi meningkatkan kadar maklum balas. Sepanjang proses pengumpulan data ini, tiada sebarang insentif kewangan diberikan. Namun begitu, prinsip etika penyelidikan seperti kerahsiaan, keizinan bermaklumat dan kebebasan responden dijaga dengan ketat sepanjang proses kajian berlangsung.

### **Analisis Data**

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26. Beberapa analisis statistik telah dijalankan mengikut objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan. Pertama, analisis deskriptif digunakan bagi mengenal pasti profil demografi responden dan tahap persepsi guru terhadap iklim sekolah serta tahap kompetensi mereka. Statistik asas seperti min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus digunakan untuk tujuan ini.

Seterusnya, analisis korelasi Pearson dijalankan bagi menilai kekuatan serta arah hubungan antara pemboleh ubah bebas (dimensi iklim sekolah) dengan pemboleh ubah bersandar (kompetensi guru). Analisis ini membantu mengenal pasti sama ada hubungan yang wujud adalah signifikan dari segi statistik dan sejauh mana kekuatannya.

Akhir sekali, analisis regresi linear berganda dilaksanakan untuk menentukan sumbangan relatif setiap dimensi iklim sekolah dalam meramalkan tahap kompetensi guru. Pendekatan ini membolehkan penilaian dibuat terhadap pemboleh ubah prediktor yang paling memberi kesan, sama ada secara positif atau negatif, terhadap variabel bersandar. Regresi ini juga memberikan nilai  $R^2$  yang menunjukkan sejauh mana model tersebut dapat menerangkan variasi dalam kompetensi guru. Kaedah ini dipilih kerana sesuai untuk menguji hubungan

sebab-akibat secara kuantitatif dan menyokong keputusan berdasarkan data empirikal (Komaroff, 2024).

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Iklim Sekolah

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap keseluruhan iklim sekolah dalam kalangan guru institusi tahniz berada pada tahap sederhana, dengan min keseluruhan  $M = 3.20$  dan sisihan piawai  $SP = 0.20$  berdasarkan skala Likert lima mata. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, dimensi yang mencatatkan skor tertinggi ialah Kebebasan Staf ( $M = 3.60$ ,  $SP = 0.41$ ), menunjukkan bahawa guru berasa memiliki tahap autonomi yang memadai dalam melaksanakan tugas mereka. Ini diikuti oleh Sokongan Pelajar ( $M = 3.48$ ,  $SP = 0.32$ ) dan Kecukupan Sumber ( $M = 3.36$ ,  $SP = 0.46$ ), yang menandakan wujudnya sokongan moral dan penyediaan sumber pengajaran yang mencukupi. Sebaliknya, dimensi Tekanan Kerja merekodkan min terendah ( $M = 2.73$ ,  $SP = 0.45$ ), diikuti Afiliasi ( $M = 2.78$ ,  $SP = 0.22$ ), sekali gus mencerminkan kehadiran beban kerja dan isu hubungan sosial yang berpotensi mengganggu kesejahteraan guru.

Jadual 2: Statistik Deskriptif Dimensi Iklim Sekolah

Dimensi	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Pentafsiran
Sokongan Pelajar	3.48	0.32	Tinggi
Afiliasi	2.78	0.22	Sederhana
Minat Profesional	3.24	0.31	Sederhana
Kebebasan Staf	3.60	0.41	Tinggi
Penglibatan dalam Membuat	3.06	0.34	Sederhana
Keputusan			
Inovasi	3.34	0.30	Sederhana
Kecukupan Sumber	3.36	0.46	Sederhana
Tekanan Kerja	2.73	0.45	Sederhana
Iklim Sekolah	3.20	0.20	Sederhana

### Tahap Kompetensi Guru

Seperti yang diperincikan dalam Jadual 3, semua dimensi kompetensi guru berada pada tahap tinggi. Dimensi Profesionalisme menunjukkan skor tertinggi ( $M = 3.84$ ,  $SP = 0.55$ ), diikuti oleh Kemahiran ( $M = 3.70$ ,  $SP = 0.62$ ) dan Pengetahuan ( $M = 3.59$ ,  $SP = 0.64$ ). Min keseluruhan kompetensi guru adalah  $M = 3.71$  ( $SP = 0.49$ ), sekali gus mencerminkan bahawa guru institusi tahniz mengekalkan tahap kompetensi yang baik dalam profesion mereka, merangkumi aspek etika kerja, kecekapan pedagogi dan penguasaan kandungan.

**Jadual 3: Statistik Deskriptif Dimensi Kompetensi Guru**

	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Pentafsiran
Profesionalisme	3.84	0.55	Tinggi
Kemahiran	3.70	0.62	Tinggi
Pengetahuan	3.59	0.64	Tinggi
Kompetensi Guru	3.71	0.49	Tinggi

**Hubungan antara Iklim Sekolah dan Kompetensi Guru**

Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana dan signifikan secara statistik antara iklim sekolah dan kompetensi guru ( $r = .458$ ,  $p < .01$ ), seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4. Dapatkan ini menunjukkan bahawa apabila guru mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap iklim sekolah, tahap kompetensi mereka juga meningkat secara relatif. Hal ini menegaskan kepentingan persekitaran kerja yang menyokong dalam memperkuuh kompetensi profesional guru di institusi tahliz.

Jadual 4: Korelasi Pearson antara Iklim Sekolah dan Kompetensi Guru

		Iklim Sekolah	Kompetensi Guru
	Pearson Correlation	1	0.458**
Iklim Sekolah	Sig. (2-tailed)		.000
	N	60	60
	Pearson Correlation	0.458**	1
Kompetensi Guru	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	60	60

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

**Pengaruh Iklim Sekolah terhadap Kompetensi Guru**

Bagi menilai sumbangan spesifik setiap dimensi iklim sekolah terhadap kompetensi guru, analisis regresi linear berganda telah dilaksanakan. Berdasarkan Jadual 5, model regresi mencatatkan nilai  $R^2 = .520$  dan Adjusted  $R^2 = .444$ , yang menunjukkan bahawa 52% variasi dalam kompetensi guru dapat dijelaskan oleh kombinasi lapan dimensi iklim sekolah. Ini merupakan nilai yang signifikan dan memperlihatkan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah bebas dan bersandar dalam kajian ini.

Jadual 5: Ringkasan Model Regresi Linear Berganda

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	0.721 <sup>a</sup>	0.520	0.444	0.36170

Ujian ANOVA yang diringkaskan dalam Jadual 6 mengesahkan bahawa model regresi

adalah signifikan ( $F(8, 51) = 6.895, p < .001$ ), yang bermaksud bahawa sekurang-kurangnya satu dimensi iklim sekolah mempunyai pengaruh terhadap kompetensi guru.

Jadual 6: Analisis ANOVA bagi Model Regresi yang Meramalkan Kompetensi Guru

Model	Jumlah Perseggi	df	Purata Perseggi	F	Sig.
1 Regresi	7.216	8	0.902	6.895	0.000 <sup>b</sup>
Baki	6.672	51	0.131		
Jumlah	13.888	59			

Seterusnya, Jadual 7 memperincikan pekali regresi bagi setiap dimensi. Tiga dimensi yang dikenal pasti memberikan kesan signifikan ialah Kebebasan Staf ( $\beta = .330, p = .029$ ), Kecukupan Sumber ( $\beta = .367, p = .007$ ) dan Tekanan Kerja ( $\beta = -.239, p = .031$ ). Lima dimensi lain iaitu Sokongan Pelajar, Afiliasi, Minat Profesional, Penglibatan dalam Membuat Keputusan, dan Inovasi tidak menunjukkan kesan yang signifikan secara statistik ( $p > .05$ ), namun masih relevan dari sudut konseptual dan harus dipertimbangkan dalam amalan pengurusan institusi.

Jadual 7: Pekali Regresi bagi Pemboleh Ubah Peramal Kompetensi Guru

Model	Pekali Bukan Piawaian		Pekali Piawaian	t	Sig.
	B	Ralat Std.			
1 (Pemalar)	1.414	0.890		1.588	0.118
	Sokongan Pelajar	0.257	0.205	0.171	1.253
	Afiliasi	-0.027	0.235	-0.012	-0.113
	Minat Profesional	0.029	0.193	0.018	0.148
	Kebebasan Staf	0.386	0.172	0.330	2.245
	Penglibatan dalam	-0.308	0.181	-0.218	-1.699
	Membuat Keputusan				
	Inovasi	0.097	0.199	0.061	0.488
	Kecukupan Sumber	0.391	0.138	0.367	2.823
	Tekanan Kerja	-0.256	0.115	-0.239	-2.219

Persamaan regresi linear berganda berdasarkan dapatan ini adalah seperti berikut:

Kompetensi Guru =  $1.414 + 0.386(\text{Kebebasan Staf}) + 0.391(\text{Kecukupan Sumber}) - 0.256(\text{Tekanan Kerja})$ . Persamaan ini menggambarkan bahawa peningkatan dalam dimensi kebebasan staf dan kecukupan sumber dijangka akan meningkatkan skor kompetensi guru, manakala peningkatan dalam tekanan kerja memberi kesan negatif terhadap tahap kompetensi tersebut.

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara iklim sekolah dan kompetensi guru dalam konteks institusi tafhib di daerah Sepang, Selangor. Fokus diberikan kepada pemahaman mendalam tentang bagaimana dimensi persekitaran kerja seperti kebebasan profesional, tekanan kerja, dan kecukupan sumber yang berperanan dalam membentuk tahap kompetensi guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme. Ini penting kerana institusi tafhib beroperasi dalam sistem yang berbeza daripada sekolah arus perdana, melibatkan keunikan budaya organisasi, struktur pentadbiran dan pendekatan kurikulum berasaskan al-Quran. Oleh itu, analisis terhadap pengaruh iklim sekolah dalam konteks ini memberi gambaran lebih holistik tentang bagaimana guru boleh didukung untuk mencapai prestasi profesional optimum. Secara keseluruhan, hasil dapatkan menunjukkan bahawa tahap iklim sekolah dinilai sederhana oleh guru, manakala tahap kompetensi mereka berada pada tahap tinggi. Hal ini mencerminkan bahawa walaupun dalam keadaan persekitaran kerja yang tidak begitu ideal, guru-guru tafhib masih mampu mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi. Penemuan ini menyokong hasil kajian Luthfi dan Iba (2023) yang menyatakan bahawa guru yang mempunyai komitmen dalam terhadap profesion akan tetap menunjukkan prestasi baik walaupun berdepan pelbagai cabaran institusi. Dalam konteks institusi tafhib, komitmen ini juga terikat dengan misi rohani dan tanggungjawab keagamaan yang dipegang oleh guru. Keadaan ini memperlihatkan bahawa motivasi intrinsik yang dipacu oleh niat keagamaan dan keikhlasan dalam mendidik pelajar menjadi faktor dalam yang mengatasi kekurangan sokongan luaran.

Menurut Spencer & Spencer (1993), kompetensi bukan sahaja dibentuk oleh latihan formal atau sumber luaran, malah juga dipengaruhi oleh sikap, nilai dan dorongan kendiri yang konsisten. Justeru, meskipun iklim sekolah tidak berada pada tahap optimum, guru-guru tafhib masih menunjukkan tahap kompetensi yang tinggi kerana mereka terdorong oleh misi dakwah, kehendak spiritual dan amanah mendidik generasi pewaris al-Quran. Tambahan pula, struktur institusi tafhib yang lebih kecil dan berfokus mungkin menjadikan guru lebih terdedah kepada tugas yang pelbagai, sekali gus meningkatkan kecekapan praktikal dan fleksibiliti mereka.

Analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara iklim sekolah dan kompetensi guru. Ini menandakan bahawa apabila persekitaran sekolah lebih positif, tahap kompetensi guru turut meningkat. Dapatkan ini selari dengan teori iklim sekolah oleh Hoy dan Tarter (1997) yang menekankan bahawa persekitaran kerja yang sihat dan terbuka menyumbang kepada prestasi guru yang lebih efektif. Ia juga menyokong teori kompetensi oleh Spencer dan Spencer (1993) yang menegaskan bahawa faktor kontekstual seperti persekitaran organisasi memainkan peranan dalam pembangunan kompetensi individu.

Penemuan ini turut disokong oleh kajian Yang dan Villanueva (2024) yang mendapati bahawa iklim sekolah yang positif, khususnya dari segi interaksi antara guru dan pelajar serta sokongan rakan sejawat, berupaya meningkatkan efikasi kendiri guru dalam melaksanakan tugas pengajaran. Dapatkan ini menunjukkan bahawa aspek seperti kejelasan peranan, keyakinan terhadap kepimpinan sekolah dan hubungan sosial yang kukuh dapat mempengaruhi keupayaan guru untuk berfungsi secara lebih efektif. Dalam konteks institusi tafhib, walaupun struktur organisasinya lebih tradisional dan tidak formal, elemen seperti keakraban sosial, kesatuan niat

dalam mendidik atas dasar agama, serta penghayatan nilai ukhrawi dapat membentuk iklim kerja yang harmoni dan menyokong pembangunan kompetensi guru.

Namun begitu, hubungan ini juga boleh dipengaruhi oleh persepsi individu guru terhadap keupayaan mereka mengadaptasi dalam persekitaran yang mencabar. Kajian oleh Hoyle dan Wallace (2005) menunjukkan bahawa guru yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi cenderung menilai tekanan kerja dengan lebih positif dan menjadikannya sebagai pemangkin kepada pembelajaran kendiri. Maka tidak mustahil guru-guru di institusi tahliz melihat tekanan atau kekurangan sebagai ujian yang membentuk watak dan ketahanan mereka dalam profesion perguruan Islam.

Kajian ini meneliti sumbangan setiap dimensi iklim sekolah terhadap kompetensi guru. Hasil analisis regresi linear berganda menunjukkan bahawa tiga dimensi iklim sekolah, iaitu kebebasan staf, kecukupan sumber, dan tekanan kerja, merupakan peramal signifikan kepada kompetensi guru. Model regresi menunjukkan bahawa 52% daripada variasi kompetensi guru dapat dijelaskan oleh ketiga-tiga dimensi tersebut.

Dimensi kebebasan profesional menunjukkan kesan positif yang signifikan terhadap kompetensi guru. Ini sejajar dengan teori Spencer dan Spencer (1993), yang menegaskan bahawa autonomi dalam membuat keputusan pedagogi meningkatkan efikasi kendiri, kreativiti, dan inisiatif guru. Dalam konteks tahliz, kebebasan ini membolehkan guru memilih pendekatan PdP seperti talaqqi, tasmik dan tikrar secara fleksibel, bergantung kepada tahap keupayaan pelajar. Autonomi ini juga membolehkan guru menyesuaikan pendekatan tarbiah yang lebih bersifat spiritual, berbanding pengajaran mekanikal semata-mata, lantas membina hubungan pedagogi yang mendalam antara guru dan pelajar.

Seterusnya, dimensi kecukupan sumber turut memberi kesan positif yang signifikan. Kajian Rusdi & Madihah (2023) menyatakan bahawa penyediaan bahan bantu mengajar, kemudahan pembelajaran yang selesa, dan akses kepada teknologi memberi impak langsung kepada kualiti pengajaran. Dalam institusi tahliz, sumber pengajaran merangkumi keperluan khusus seperti mushaf, ruang bilik darjah kondusif, serta peralatan hafazan interaktif. Tanpa sumber yang mencukupi, guru terpaksa menggunakan strategi pengajaran yang terhad. Kajian Tibane et al. (2024) pula menegaskan bahawa kekangan sumber seperti kemudahan kelas yang tidak memadai, kekurangan bahan pengajaran, dan beban kewangan atau logistik oleh guru boleh memberi kesan negatif terhadap kualiti pengajaran, khususnya dalam mata pelajaran yang menuntut seperti matematik peringkat tinggi. Kekurangan ini menyebabkan guru terpaksa bergantung kepada bahan pinjaman atau bahan usang, sekaligus menjelaskan kemahiran pedagogi dan kreativiti dalam aktiviti PdP. Oleh itu, pelaburan dalam kemudahan fizikal, bahan pengajaran berkualiti, serta teknologi interaktif di institusi tahliz adalah kunci kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang berdasarkan hafazan dan tarannum.

Sebaliknya, tekanan kerja menunjukkan kesan negatif yang signifikan terhadap kompetensi guru. Ini konsisten dengan kajian Yayuk & Haqqi (2024) yang mendapati tekanan kerja berlebihan menyumbang kepada keletihan emosi, penurunan produktiviti dan hilangnya keseimbangan kerja-kehidupan. Dalam institusi tahliz, guru memikul beban tugas pelbagai termasuk pentadbiran, penyeliaan asrama dan pelaksanaan program kerohanian. Apabila beban ini tidak disokong dengan struktur kerja yang sesuai, ia boleh menjelaskan pertumbuhan profesional guru. Penemuan ini juga disokong oleh Teori Dua Faktor Herzberg (1959), yang

membezakan antara faktor motivasi dan faktor hygiene dalam mempengaruhi kepuasan kerja. Faktor hygiene seperti tekanan kerja yang tidak diurus boleh menjasaskan semangat kerja walaupun faktor motivasi lain wujud.

Namun begitu, lima dimensi lain dalam model regresi iaitu afiliasi, penglibatan dalam membuat keputusan, inovasi, minat profesional dan sokongan pelajar, tidak menunjukkan hubungan signifikan secara statistik terhadap kompetensi guru. Walaupun tidak signifikan, dimensi ini tidak harus diabaikan. Sebagai contoh, afiliasi yang lemah boleh menyumbang kepada isolasi sosial dan mengurangkan semangat berpasukan dalam kalangan guru. Kajian Hassan et al. (2021) menunjukkan bahawa nilai ukhuwah dan syura dalam organisasi pendidikan Islam meningkatkan kepercayaan dan motivasi guru.

Tambahan lagi, ketidaksignifikanan dimensi seperti inovasi dan minat profesional adalah tidak selari dengan kajian Luthfi & Iba (2023), yang mendapati bahawa keterbukaan terhadap inovasi dan minat terhadap profesion perguruan mempengaruhi kualiti pedagogi. Dalam konteks tafhib, budaya tradisi dan struktur pengajaran berasaskan hafazan mungkin mengurangkan ruang untuk inovasi dan pembangunan minat profesional secara formal. Ketiadaan insentif atau sistem sokongan untuk pembangunan kerjaya juga boleh membantutkan usaha guru untuk meneroka pendekatan baharu.

Impak praktikal daripada kajian ini adalah jelas. Pihak pentadbiran institusi tafhib perlu menilai semula dasar-dasar dalaman yang berkaitan dengan pengurusan sumber, pengagihan beban kerja dan peranan guru dalam membuat keputusan. Pelaburan dalam pembangunan profesional guru mestilah disertai dengan reformasi struktur organisasi supaya intervensi yang dilaksanakan tidak berlaku dalam vakum, sebaliknya disokong oleh iklim sekolah yang kondusif. Guru pula digalakkan memperkasa kendiri melalui refleksi profesional, pengurusan tekanan secara sihat dan penyertaan aktif dalam komuniti amalan guru. Pembuat dasar, seperti Bahagian Pendidikan Islam KPM atau pihak penggubal Dasar Pendidikan Tafhib Negara (DPTN), perlu menilai keperluan untuk menyepadankan indikator iklim sekolah sebagai salah satu komponen penilaian keberkesanannya institusi pendidikan Islam.

Beberapa limitasi kajian ini perlu diakui. Pertama, penggunaan kaedah kuantitatif semata-mata mengehadkan keupayaan kajian untuk menggali naratif pengalaman guru. Kedua, fokus hanya kepada satu daerah (Sepang) menghadkan kebolehgunaan hasil kajian kepada konteks kebangsaan. Ketiga, instrumen yang digunakan adalah adaptasi daripada konteks pendidikan arus perdana, yang mungkin tidak sepenuhnya menangkap dimensi unik institusi tafhib seperti nilai *ruthiyah*, hubungan guru-murid secara *tarbawi*, dan struktur harian berasaskan pengajian Quran. Oleh itu, dapatan ini perlu ditafsirkan dengan berhati-hati dan mengambil kira konteks pendidikan Islam secara menyeluruh.

Sehubungan itu, kajian lanjutan disaran untuk menggunakan pendekatan mixed methods bagi menangkap bukan sahaja hubungan statistik tetapi juga pengalaman dan makna yang dialami oleh guru secara mendalam. Kajian kualitatif seperti kajian kes, etnografi atau temu bual naratif boleh memberi penerokaan lebih luas terhadap aspek yang tidak mudah diukur secara kuantitatif. Selain itu, kajian bandingan antara institusi tafhib dan sekolah arus perdana boleh membekalkan pemahaman rentas budaya organisasi dalam pendidikan Islam. Pembangunan dan pengesahan instrumen pengukuran yang lebih khusus kepada konteks tafhib juga amat diperlukan agar refleksi budaya dan nilai Islam dapat diterjemah dengan lebih tepat

Commented [A1]: Italic kan

Commented [A2]: Italic kan

ke dalam reka bentuk penyelidikan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menyumbang kepada pengukuhan literatur pendidikan Islam dengan menonjolkan bagaimana elemen iklim sekolah dapat membentuk guru tahliz yang bukan sahaja kompeten secara profesional, tetapi juga seimbang dari sudut spiritual dan emosi. Persekutaran kerja yang menyokong bukan lagi pilihan, tetapi keperluan asas dalam memastikan kelangsungan dan keberkesanannya institusi tahliz dalam mendidik generasi Quranik masa hadapan. Kajian ini sekali gus memberi panduan empirikal kepada pentadbir, pembuat dasar dan pengamal pendidikan dalam usaha kolektif untuk memperkasa guru dan memperkuuh sistem pendidikan tahliz yang holistik dan berdaya tahan.

## KESIMPULAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa iklim sekolah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap kompetensi guru di institusi tahliz. Tiga dimensi utama, iaitu kebebasan staf, kecukupan sumber, dan tekanan kerja, telah dikenal pasti sebagai faktor signifikan yang menyumbang secara langsung terhadap pengetahuan, kemahiran serta profesionalisme guru. Dapatan ini menegaskan bahawa pembangunan profesional guru perlu disokong oleh persekitaran kerja yang kondusif. Impak praktikal kajian ini melibatkan tiga golongan utama. Pertama, pihak pentadbir disarankan supaya mengukuhkan struktur organisasi yang menyokong keperluan guru. Kedua, pihak pembuat dasar perlu memasukkan indikator iklim sekolah dalam sistem penilaian prestasi institusi tahliz. Ketiga, guru pula hendaklah diberikan ruang untuk membina kapasiti kendiri melalui penglibatan dalam komuniti amalan profesional. Kajian ini turut menyumbang kepada pengayaan literatur dalam bidang pendidikan Islam dan mencadangkan supaya kajian lanjutan dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif atau reka bentuk longitudinal. Secara keseluruhannya, usaha untuk meningkatkan kompetensi guru tahliz mestilah berlandaskan kepada budaya organisasi yang menyokong dan memberdaya mereka secara holistik.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan teknikal dan akademik dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Fakulti Pendidikan atas segala kemudahan dan bimbingan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan berlangsung.

## RUJUKAN

- Al-Mekhlafi, A. 2022. *Technology integration in Quranic education: Challenges and opportunities*. Journal of Islamic Education and Technology, 3(1): 55–67.
- Chua, Y. P. 2013. *Mastering research methods* (2nd ed.). McGraw-Hill.
- Creswell, J. W. 2014. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Fisher, D., & Fraser, B. 1990. *School-Level Environment Questionnaire (SLEQ): A manual for*

- use. Australian Council for Educational Research.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. 2012. *How to design and evaluate research in education* (8th ed.). McGraw-Hill.
- Hashim, A., & Hashim, Z. 2021. *Kajian Ke Atas Institusi Pengajian Tahfiz Di Malaysia*. ResearchGate.
- Hassan, N. H., Mohd Suki, N. M., & Azman, N. 2021. *Islamic work ethics and organizational climate in Islamic schools*. *Journal of Islamic Education*, 33(2): 87–102.
- Herzberg, F. 1959. *The motivation to work* (2nd ed.). John Wiley & Sons.
- Hill, R., et al. 2005. *Research sample size and statistical power analysis: An overview*. *Journal of Applied Quantitative Methods*, 1(1): 76–84.
- Hoy, W. K., & Miskel, C. G. 2005. *Educational administration: Theory, research, and practice* (7th ed.). McGraw-Hill.
- Hoy, W. K., & Tarter, C. J. 1997. *The road to open and healthy schools: A handbook for change* (2nd ed.). Corwin Press.
- Hoyle, E., & Wallace, M. 2005. *Educational leadership: Ambiguity, professionals and managerialism*. SAGE Publications.
- Jaafar, N. 2020. *Pembangunan profesionalisme guru pendidikan Islam*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2020. *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN)*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Islam, JAKIM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2023. *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN)*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Islam.
- Komaroff, J. 2024. *Applied regression for social sciences*. Pearson Education.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Luthfi, A., & Iba, S. 2023. The role of school organization and work environment in teacher performance. *International Journal of Educational Management*. 36(2): 112-127.
- Marno. 2022. *Strategi pembangunan profesional guru dalam pendidikan Islam kontemporeri*. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1): 45–61.
- Mat Piah, A. N., & Zulkifli, H. 2022. Analisis keperluan latihan pembangunan profesionalisme guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz. *ARISE: Journal of Islamic Studies and Education*, 2(1): 34–50.
- Mohamed Nawi, M. M. R. 2017. Iklim sekolah, efikasi kendiri dan prestasi kerja guru di sekolah berprestasi tinggi Malaysia: Kajian ke atas MRSM. Tesis PhD. Universiti Malaysia Sabah].
- MohdFaiz, M. Y., & Jamal@Nordin, Y. 2016. *Model pengukuran kompetensi kerja guru*. Proceeding of the International Conference on Education, Culture and Research (ICECRS), 1, 13–20. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.570>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. 1994. *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Rusdi, M., & Madihah, R. 2023. Innovative teaching practices and professional development in Islamic education institutions. *International Journal of Islamic Pedagogy*, 26(3): 101-118.
- Saad, N., & Sankaran, S. 2019. Kelestarian pembangunan profesionalisme guru dalam

- pembelajaran sepanjang hayat. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 22: 11–22.
- Simaremare, A., et al. 2023. *The impact of leadership on school climate and teacher motivation. Educational Review and Management Studies*, 37(2): 132-150.
- S Spencer, L. M., & Spencer, S. M. 1993. *Competence at work: Models for superior performance*. John Wiley & Sons.
- Sulaiman, H., & Harman, S. M. 2009. Sikap guru terhadap faktor penentu iklim sekolah di sebuah sekolah menengah swasta di daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Taber, K. S. 2018. The use of Cronbach's alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education*, 48(6): 1273–1296. <https://link.springer.com/content/pdf/10.1007/s11165-016-9602-2.pdf>
- Taherdoost, H. 2016. Sampling methods in research methodology; how to choose a sampling technique for research. *International Journal of Academic Research in Management (IJARM)*, 5(2): 18–27.
- Tibane, C., Mafa-Theledi, O., Masebe, T., & Mathye, P. 2024. Examining the Effect of Resource Constraints on Teaching and Learning of Grade 12 Mathematics in Gauteng Community Learning Centres. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 23(10): 453–474.
- Yang, H. & Villanueva, L. 2024. The Impact of School Climate on Teachers' Self-Efficacy. *Journal of Education and Educational Research*, 8(3): 463–475.
- Yayuk, R., & Haqqi, A. 2024. Leadership strategies in Islamic education institutions: A qualitative analysis. *Journal of School Administration*, 40(3): 67-85.